

Julai - September 2019



BULETIN@SUK

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor



4

SULTAN SELANGOR
SEMPURNAKAN PROGRAM
TANAM POKOK DALAM BANDAR
NEGERI SELANGOR 2019

28

SELANGOR AGRO FEST 2019 LANCAR
PROGRAM AGRO SEKOLAH



Mutiara Kata

"Tanpa penjawat awam, dasar-dasar dan aspirasi yang diilhamkan oleh pengurusan eksekutif kerajaan pasti tidak akan dapat direalisasikan dengan sempurna. Peranan penjawat awam sebagai barisan hadapan (frontliner) di Negeri Selangor ini amatlah penting dan kritikal. Justeru, apa jua perkara yang melibatkan penjawat awam secara automatik akan menjadi cermin kepada kerajaan negeri di mata rakyat jelata.

Seharusnya sebagai sebuah negeri yang paling maju di Malaysia, mutu penyampaian perkhidmatan awam di Negeri Selangor juga perlulah dinamik, efisien, berwibawa serta mampu melihat sesuatu isu secara retrospektif dan holistik.

Sidang Redaksi

PENAUNG

YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

PENASIHAT

Pn. Nor Azurah binti Nasir

KETUA EDITOR

Nurulhaizan binti Haji Rais

SIDANG EDITORIAL

Nor Fariza binti Daud
Nooraini binti Jailani
Adib bin Aziz

FOTOGRAFI

Ahmad Fadhil bin Yahya
Nadzir Asri bin Khairi

Isi Kandungan

- | | |
|---|---|
| <div>Bulan Julai</div> <div>1</div> <div>TAHNIAH !!! DATO' SUAI</div> | <div>Bulan Julai</div> <div>16</div> <div>PENYAMPAIAN GERAN KECIL TEKNOLOGI HIJAU DAN ALAM SEKITAR</div> |
| <div>Bulan Julai</div> <div>2</div> <div>PROGRAM DIGITAL GOVERNMENT COMPETENCY AND CAPABILITY READINESS (DGCCR)</div> | <div>Bulan Ogos</div> <div>17</div> <div>PERHIMPUNAN PAGI DAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2019</div> |
| <div>Bulan Julai</div> <div>3</div> <div>20 JABATAN DAN AGENSI SERTA HARI BERTEMU PELANGGAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR</div> | <div>Bulan September</div> <div>18</div> <div>MAJLIS PERASMIAN PERSADA INOVASI SEKTOR AWAM NEGERI SELANGOR</div> |
| <div>Bulan Julai</div> <div>4</div> <div>SULTAN SELANGOR SEMPURNAKAN PROGRAM TANAM POKOK DALAM BANDAR NEGERI SELANGOR 2019</div> | <div>Bulan Ogos</div> <div>19</div> <div>SESI LIBAT URUS PENYEDIAAN RMK-12</div> |
| <div>Bulan Ogos</div> <div>5</div> <div>PELANCARAN EKSPEDISI SAINTIFIK BIODIVERSITI DIRAJA</div> | <div>Bulan Ogos dan September</div> <div>20-21</div> <div>SESI SERAH SURAT PENEMPATAN PEGAWAI KANAN KERAJAAN</div> |
| <div>Bulan Ogos</div> <div>6-7</div> <div>SULTAN SELANGOR BERKENAN KURNIA PINGAT KEPADA 382 PENERIMA</div> | <div>Bulan Ogos</div> <div>22</div> <div>PROGRAM PEMERKASAAN AHLI MAJLIS PBT SELANGOR</div> |
| <div>Bulan Julai</div> <div>8</div> <div>SELANGOR HARGAI ANAK ISTIMEWA</div> | <div>Bulan Ogos</div> <div>23</div> <div>MAJLIS PELEPASAN KONVOI KEMBARA MERDEKA JALUR GEMILANG</div> |
| <div>Bulan Julai</div> <div>9</div> <div>SELANGOR TERIMA KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM</div> | <div>Bulan Ogos</div> <div>24-25</div> <div>SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2019 SELANGOR BERTEMAKAN 'SAYANGI MALAYSIAKU: MALAYSIA BERSIH'</div> |
| <div>Bulan Ogos</div> <div>10</div> <div>KUNJUNGAN HORMAT YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN</div> | <div>Bulan Ogos</div> <div>26</div> <div>PROGRAM 'BREATHE NEW LIFE' DI BAGAN HILAM</div> |
| <div>Bulan Ogos</div> <div>11</div> <div>LAWATAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME (MTCP) KE PEJABAT SUK SELANGOR</div> | <div>Bulan September</div> <div>27</div> <div>AUDIT MS ISO 2019</div> |
| <div>Bulan September</div> <div>12</div> <div>LAWATAN DELEGASI LAO PDR KE PEJABAT SUK SELANGOR</div> | <div>Bulan September</div> <div>28</div> <div>SELANGOR AGRO FEST 2019 LANCAR PROGRAM AGRO SEKOLAH</div> |
| <div>Bulan Ogos</div> <div>13</div> <div>PERSIDANGAN DAN MESYUARAT PEGAWAI PERHUBUNGAN PENGADUAN AWAM</div> | <div>Bulan September</div> <div>29</div> <div>PROGRAM PEMATUHAN SYARAT DAN PENGUATKUASAAN KILANG TANPA KEBENARAN</div> |
| <div>Bulan Julai dan September</div> <div>14-15</div> <div>DIALOG BAJET 2020 KLUSTER PENDIDIKAN, SELANGOR MAJU BERSAMA, SMART DESA SELANGOR</div> <td></td> | |

TAHNIAH !!! DATO' SUAIDI

Tarikh : 4 Julai 2019 | Tempat : Ruang Makan Dewan Annexe, Bangunan Dewan Negeri Selangor

Majlis Perhimpunan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan Majlis Perpisahan Timbalan SUK Pembangunan telah diadakan pada 4 Julai 2019 bertempat di Ruang Makan Dewan Annexe, Bangunan Dewan Negeri Selangor.

YBhg. Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim telah dinaikkan pangkat menjadi Datuk Bandar Ipoh, Perak berkuatkuasa pada 9 Julai 2019. Beliau merupakan mantan Timbalan Setiausaha Kerajaan Pengurusan, Pejabat SUK Selangor. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan atas segala khidmat bakti yang telah dicurahkan kepada Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Jasa dan budi beliau akan sentiasa dikenang oleh warga Pejabat SUK Selangor.





PROGRAM DIGITAL GOVERNMENT COMPETENCY AND CAPABILITY READINESS (DGCCR)

Tarikh : 18 Julai 2019 | Tempat : Bankuet, Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah

Program Digital Government Competency and Capability Readiness (DGCCR) Zon Tengah (1) telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Hj. Suhaime bin Mahbar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Beliau diiringi oleh Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Encik Muhammad Yasir bin Yahya yang mewakili YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya. Turut hadir, ketua-ketua Jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Antara intipati program ini adalah sesi penerangan berkaitan penggunaan HRMIS secara digital keseluruhannya dan boleh diakses menggunakan QR Code. Program ini juga diadakan bersempena dengan Sambutan Bulan HRMIS peringkat Negeri Selangor.



20 JABATAN & AGENSI



SERTAI HARI BERTEMU PELANGGAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Tarikh : 18 Julai 2019 | Tempat : Foyer Bangunan SUK

Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsung pada 18 Julai 2019, bertempat di Foyer Bangunan SUK Selangor.

Program ini terbuka kepada warga kerja Pejabat SUK Selangor dan orang awam yang berkunjung ke Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bagi memudahkan urusan mereka mendapatkan perkhidmatan kerajaan tanpa perlu berkunjung ke pejabat.

Antara agensi-agensi yang terlibat adalah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Jabatan Insolvency Malaysia, Amanah Saham Nasional Berhad, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, PPAS, JAIS dan HIJRAH Selangor.



SULTAN SELANGOR

SEMPURNAKAN PROGRAM TANAM POKOK DALAM BANDAR NEGERI SELANGOR 2019

Tarikh : 21 Julai 2019 | Tempat : Cyberjaya



DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah telah berkenan menyempurnakan Program Tanam Pokok Dalam Bandar Negeri Selangor 2019 di Lingkaran Cyberpoint Barat, Cyberjaya. Baginda turut diiringi oleh DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan DYT Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Keberangkatan baginda telah disambut oleh YAB Dato' Menteri Besar, Tuan Amirudin bin Shari, barisan EXCO Kerajaan Negeri Selangor serta ketua-ketua jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Menariknya, DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah telah berkenan



menyempurnakan penanaman pokok 'Swietenia Macrophylla' atau dikenali sebagai Pokok Tunjuk Langit manakala DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin telah menanam pokok 'Delonix Regia' atau dikenali sebagai Pokok Semarak Api. DYT Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah pula menanam pokok 'Caesalpinia Sappan' atau juga dikenali sebagai Pokok Sepang.

Program ini telah melibatkan penanaman sebanyak 1,500 pokok teduhan dan 3,000 pokok renek oleh seramai 2,000 peserta yang terdiri daripada penjawat awam, pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta, pelajar sekolah serta daripada badan bukan kerajaan (NGO).





Tarikh : 26 Ogos 2019 | Tempat : Taman Eko Rimba Komanwel

Pelancaran

EKSPEDISI SAINTIFIK BIODIVERSITI DIRAJA

DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin telah berkenan mencemar duli menyempurnakan pelancaran Ekspedisi Saintifik Biodiversiti DiRaja Taman Negeri Selangor Bukit Fraser, Daerah Hulu Selangor di Taman Eko Rimba (TER) Komanwel.

Turut hadir mengiringi baginda adalah YB EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hee Loy Sian mewakili YAB Dato' Menteri Besar Selangor. Hadir sama pada majlis tersebut, Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris dan Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, Dato' Dr. Haji Mohd Puat Dahalan.

Program Ekspedisi DiRaja yang julung kali diadakan di Negeri Selangor ini bertujuan

mengumpul, mendokumentasikan serta menjalankan kajian saintifik ke atas kepelbagaian orkid, fauna dan tumbuhan herba yang terdapat di Bukit Fraser dan Hulu Selangor.

DYMM Tengku Permaisuri Selangor turut berkenan melepaskan konvoi ekspedisi serta berangkat ke Taman Konservasi Orkid Liar Tengku Permaisuri Norashikin Bukit Fraser bagi menyempurnakan upacara menanam orkid spesies 'Vanilla Norashikiniana'.

Ekspedisi tersebut telah berlangsung selama lima hari sehingga 30 Ogos dalam Taman Negeri Selangor, Bukit Fraser dan telah disertai 40 penyelidik dari seluruh Malaysia.



SULTAN SELANGOR



DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah telah berkenan mengurniakan pingat kebesaran sempena sambutan ulang tahun keputeraan baginda yang ke-73 kepada 382 penerima bagi sembilan daerah di Negeri Selangor.

Istiadat Pengurniaan Pingat-Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan itu telah berlangsung di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz dan disempurnakan oleh DTYM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Keberangkatan tiba baginda diiringi YAB Dato' Menteri Besar,



BERKENAN KURNIA PINGAT KEPADA 382 PENERIMA

Tarikh : 28 dan 29 Ogos 2019 | Tempat : Bankuet, Dewan Jubli Perak, Bangunan
Sultan Abdul Aziz Shah

Tuan Amirudin bin Shari dan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya. Hadir sama dalam istiadat tersebut, barisan EXCO Kerajaan Negeri Selangor.

Pada istiadat tersebut, seramai 62 orang dikurniakan Pingat Pekerti Terpilih (PPT) dan 75 Pingat Perkhidmatan Cemerlang Selangor (PPC).

Sementara 194 menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) dan 51 lagi telah dikurniakan Pingat Perkhidmatan Selangor (PPS).





SELANGOR HARGAI ANAK ISTIMEWA



Tarikh : 19 Julai 2019 | Tempat : Foyer Bangunan SUK

Majlis Apresiasi Anak Istimewa Selangor (ANIS) telah berlangsung pada 19 Julai 2019, bertempat di Foyer Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Seramai 41 penerima Bantuan ANIS dari sekitar Selangor diraikan dalam majlis ini.

Bantuan Anak Istimewa Selangor (ANIS) bertujuan bagi meringankan kos tanggungan terapi, pemulihan, pendidikan dan sara hidup bagi ibu bapa/ penjaga yang menjaga OKU berumur 18 tahun ke bawah.

Pada majlis tersebut, sumbangan telah disampaikan oleh YAB Dato' Menteri Besar

Selangor, Tuan Amirudin bin Shari diiringi oleh YB Dr. Siti Mariah binti Mahmud merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga juga Puan Gan Pei Nei selaku Pengurus Besar YAWAS.

Ibubapa dan penjaga anak OKU di Selangor boleh memohon bantuan ANIS melalui 56 pejabat ADUN sekitar Selangor dengan mengemukakan dokumen yang lengkap. Sebarang pertanyaan berkaitan program ANIS boleh menghubungi talian 03-5481 8839/8835.



SELANGOR TERIMA KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

Tarikh : 9 Julai 2019 | Tempat : Hospital Shah Alam, Smart Selangor Delivery Unit dan Bangunan SUK

Pada 9 Julai 2019 yang lalu, Datuk Borhan Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah mengadakan kunjungan hormat ke Negeri Selangor. Sesi Lawatan dimulakan dengan kunjungan ke Hospital Shah Alam. Datuk Borhan Dolah telah bertemu dan beramah mesra dengan warga kerja Hospital Shah Alam.

Kunjungan diteruskan dengan lawatan ke Smart Selangor Delivery Unit. Beliau telah disambut oleh YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya selaku Setiausaha Kerajaan

Negeri Selangor dan YB Dato' Nor Azmie bin Diron selaku Pegawai Kewangan Negeri Selangor. Taklimat telah disampaikan oleh Dr. Fahmi bin Ngah, Pengarah Urusan Smart Selangor Delivery Unit.

Pada sesi terakhir lawatan, beliau telah berkunjung ke Pejabat SUK Selangor dan bertemu dengan YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Amirudin bin Shari serta disambut mesra oleh Ketua-Ketua Jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.





YB Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Khalid bin Abdul Samad telah bertemu dengan YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Amirudin bin Shari bagi membincangkan isu yang melibatkan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.



KUNJUNGAN HORMAT YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

Tarikh : 27 Ogos 2019 | Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Pejabat YAB Dato' Menteri Besar Selangor



LAWATAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME (MTCP)

KE PEJABAT SUK SELANGOR

Satu lawatan rasmi peserta Technical Cooperation Programme (MTCP) ke Pejabat Suk Selangor telah berlangsung pada 29 Ogos 2019 bertempat di Bangunan Annex, Dewan Negeri Selangor. Lawatan ini melibatkan peserta- peserta daripada 20 buah negara diantaranya Argentina, Botswana, Lao PDR dan Madagascar.

Pengisian program ini dimulakan dengan sesi taklimat berkaitan pengurusan kewangan di Negeri Selangor oleh Puan Sharifah Norsalina binti Syed Nawawi dari Perbendaharaan Negeri Selangor. Seterusnya sesi taklimat berkaitan pelaburan di Selangor oleh Mr. Sven Schneider dari Invest Selangor Berhad dan taklimat Smart Selangor oleh Dr. Fahmi bin Ngah dari Smart Selangor Delivery Unit (SSDU).

Pada akhir sesi lawatan, peserta telah dibawa melawat sekitar kawasan di Bangunan Dewan Negeri Selangor.

Tarikh : 29 Ogos 2019 | Tempat : Bangunan Dewan Negeri Selangor





Program ini telah dihadiri oleh delegasi seramai 6 orang dari negara Lao PDR. Satu sesi taklimat telah diadakan di Pejabat Invest Selangor Berhad, Seksyen 7, Shah Alam. Program ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Hasan Azhari selaku Pengarah Urusan Invest Selangor Berhad.

Dr. Shamsaini binti Shamsuddin yang merupakan pengarah PlanMalaysia@selangor telah memberikan taklimat bertajuk 'Overview on Spatial Planning in Selangor'. Mr. Sven Schneider selaku Pengarah Jabatan Perancangan dan Komunikasi Invest Selangor Berhad telah memberikan taklimat berkaitan pelaburan yang bertajuk 'Invest Selangor-Inspire, Transformation and Innovation'.

Peserta lawatan juga telah dibawa melawat ke Program Selangor Agro Fest yang berlangsung di Bulatan Bazarena, Stadium Shah Alam. Peserta lawatan sangat teruja dapat melihat pelbagai tanaman dan ternakan serta dihidangkan dengan pelbagai buah-buahan tempatan. Menariknya, mereka berpeluang menikmati juadah unik iaitu Nasi Lemak bersama sambal daripada kulit lembu.

LAWATAN DELEGASI LAO PDR

Tarikh : 5 September 2019 | Tempat : Bangunan Dewan Negeri Selangor dan Bulatan Bazarena Stadium Shah Alam Selangor

KE PEJABAT SUK SELANGOR



PERSIDANGAN DAN MESYUARAT

PEGAWAI PERHUBUNGAN PENGADUAN AWAM

Tarikh : 24 dan 25 Ogos 2019 | Tempat : Hotel De Palma Ampang

Persidangan dan Mesyuarat Pegawai Perhubungan Pengaduan Awam 2019 telah diadakan pada 24 dan 25 Ogos 2019 bertempat di Hotel De Palma Ampang.

Program ini melibatkan semua jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang berjumlah 69 agensi yang melibatkan pihak berkuasa tempatan, pejabat tanah / daerah, badan berkanun, anak syarikat dan syarikat utiliti.

Program telah dirasmikan oleh Puan Mas Sakdah binti Kamaruzzaman selaku Setiausaha Bahagian Korporat.



DIALOG BAJET 2020: KLUSTER PENDIDIKAN

Tarikh : 9 Julai 2019 | Tempat : Hotel Tenera, Bangi



Sesi Dialog Bajet 2020 bagi siri pertama telah diadakan di Hotel Tenera, Bangi dan bertemakan Hab Pendidikan Holistik: Pemacu 'Selangor Maju Bersama'. Program tersebut telah dirasmikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Amirudin bin Shari.

Turut hadir mengiringi YAB Dato' Menteri Besar Selangor adalah Penasihat Dasar Ekonomi dan Korporat Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor, Dr. Zulkifli bin Zakaria dan Ketua Kumpulan Penyelidikan Sekolah Perniagaan Antarabangsa

Azman Hashim, Universiti Teknologi Malaysia iaitu Prof. Dr. Mohd Hassan bin Mohd Osman.

Memetik petikan ucapan Pegawai Kewangan Negeri Selangor, YB Dato' Nor Azmie bin Diron, "Pendidikan adalah perkara yang cukup penting dan sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan Negeri Selangor dan kita akan mengkaji secara menyeluruh apakah masalah dihadapi seterusnya akan menyelesaikan masalah dan cabaran berkaitan hal ehwal pendidikan di Selangor".

DIALOG BAJET 2020:




Tarikh : 3 September 2019 | Tempat : Hotel Concorde Shah Alam



DIALOG BAJET 2020: SELANGOR MAJU BERSAMA

Tarikh : 10 September 2019 | Tempat : Hotel Concorde Shah Alam



Sesi Dialog Bajet 2020 yang membawa tema Pemberdayaan Ekonomi ke Arah "Selangor Maju Bersama" telah dihadiri oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Amirudin bin Shari, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, YB Dato' Nor Azmie bin Diron dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor akan memfokuskan aspek keselamatan dan kesejahteraan rakyat dalam Belanjawan Negeri 2020 yang bakal dibentangkan sebelum penghujung tahun ini. YAB Dato' Menteri Besar, Tuan Amirudin bin Shari dalam ucapannya berkata, aspek berkenaan

akan digabungkan bersama aplikasi Smart Selangor bagi menjamin keselamatan rakyat di negeri ini.

Kerajaan negeri juga akan menambah pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di beberapa lokasi utama yang sudah dikenal pasti selain menambah bilangan anggota polis di negeri ini.

Sesi dialog kali ini turut menampilkan Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Tan Sri Dr. Kamal Mat Salih dan Penasihat Ekonomi Perdana Menteri, Dr. Muhammed Abdul Khalid.

SMART DESA SELANGOR

Majlis Dialog Bajet 2020: Smart Desa Selangor telah diadakan di Concorde Hotel Shah Alam pada 3 September 2019. Turut hadir sebagai moderator adalah EXCO Pembangunan Usahawan serta Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi, YB Puan Rodziah Ismail.

Sesi dialog bajet 2020 Smart Desa Selangor kali ini bertemakan Bersih dan Sejahtera merupakan siri ketiga sesi Dialog Bajet bagi tahun 2019.

Sesi dialog kali ini menentengahkan isu penambahbaikan sistem pengurusan sampah, pelan hala tuju strategik desa Negeri Selangor serta kepentingan peranan keusahawanan sosial dalam menjayakan hala tuju Smart Desa Selangor.

Lebih 500 orang hadir sesi dialog bajet itu, termasuk Ketua Kampung, Penghulu, Ahli Dewan Negeri dan kakitangan awam.

PENYAMPAIAN GERAN KECIL TEKNOLOGI HIJAU DAN ALAM SEKITAR

Tarikh : 8 Julai 2019 | Tempat : Foyer Pejabat SUK, Bangunan SSAAS, Shah Alam

Majlis Penyampaian Geran Geran Kecil Teknologi Hijau dan Alam Sekitar telah dirasmikan oleh YB EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna, YB Tuan Hee Loy Sian. Turut mengiringi beliau, Puan Norliza binti Yusoff selaku Timbalan Pengarah Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat SUK Selangor.

Objektif utama program ini adalah bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat berkaitan kepentingan menjaga alam sekitar serta menggalakkan penggunaan teknologi hijau di

dalam kehidupan seharian.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah memperuntukkan sebanyak RM750,000 bagi Geran Kecil Teknologi Hijau dan Alam Sekitar kepada 109 persatuan serta organisasi dari seluruh Selangor.

Sebanyak 55 persatuan telah menerima Geran Kecil Alam Sekitar manakala 54 persatuan lagi menerima Geran Kecil Teknologi Hijau.





Tarikh : 19 Ogos 2019 | Tempat : Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan
Salahuddin Abdul Aziz Shah

PERHIMPUNAN PAGI DAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2019

Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Selangor 2019 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang 2019. Perhimpunan kali ini telah dihoskan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam dan diadakan di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Amirudin bin Shari turut menandatangani dokumen Ikrar Bebas Rasuah disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Puan Latheefa Koya.

Turut diadakan penyerahan Jalur Gemilang oleh Dato' Menteri Besar, Tuan Amirudin Shari kepada Pegawai Daerah, Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).



MAJLIS PERASMIAN PERSADA INOVASI SEKTOR AWAM NEGERI SELANGOR

Tarikh : 11 September 2019 | Tempat : Auditorium Dewan
Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah Alam

Pada 11 September 2019 yang lalu bertempat di Auditorium Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah Alam telah berlangsung Majlis Persada Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya. Sebanyak 40 kumpulan berentap bagi membolot gelaran juara dalam empat kategori yang ditawarkan pada Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) 2019.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya dalam ucapannya berkata, program tahunan itu diadakan sebagai pendekatan mendorong penjawat awam di Selangor untuk memperkenalkan cara kerja baharu yang lebih cekap dan berkesan. MPIPANS 2019 juga menjadi medan kepada semua jabatan dan agensi yang terlibat untuk mempersembahkan hasil cetusan idea kreatif serta inovatif seterusnya menghasilkan sesuatu yang berimpak tinggi.

MPIPANS mempertandingkan dua kategori iaitu Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan), Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan), Inovasi Sosial (Penciptaan) dan Inovasi Sosial (Penambahbaikan).

Hadir sama, YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Dato' Nor Azmie bin Diron dan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Tuan Hj. Zamani Ahmad bin Mansor.



SESI LIBAT URUS PENYEDIAAN



Tarikh : 9 Ogos 2019 | Tempat : Hotel Concorde Shah Alam

Sesi Libat Urus Penyediaan RMK-12 telah diadakan di Hotel Concorde Shah Alam pada 9 Ogos 2019. Sesi kali ini melibatkan Kementerian Kewangan dan Kerajaan Negeri Selangor.

Sesi ini telah dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi, YB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Amirudin bin Shari. Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya serta barisan Exco-Exco Kerajaan Negeri.

YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah memberikan cadangan untuk memfokuskan

industri berimpak tinggi seperti jaringan jalan raya dan lebuh raya, capaian internet di bandar dan luar bandar serta penyediaan sumber manusia yang menepati permintaan industri.

Selain itu, lima industri utama di Selangor iaitu sains hayat, jentera dan kejuruteraan, elektrik dan elektronik, makanan dan minuman serta pengangkutan dan peralatan juga akan mendapat jalinan kerjasama daripada kerajaan persekutuan.



SESI SERAH SURAT PENEMPATAN PEGAWAI KANAN KERAJAAN

Majlis Penyampaian Amanat dan Penyerahan Surat Pelantikan kepada pegawai-pegawai kanan di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Tarikh : 14 Ogos dan 13 September 2019 | Tempat : Bilik YB SUK, Pejabat SUK Selangor



Tuan Mohd Shahzihan Bin Ahmad
Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)



Ir. Datuk Gapar Bin Asan
Pengarah
Jabatan Pengairan dan
Saliran Selangor



Tn. Ir. Shahabuddin Bin Mohd Muhyidin
Pengarah
JKR Selangor



Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha
Majlis Perbandaran Klang



Tuan Ismail Bin Che Ani
Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Pengurusan Maklumat,
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Selangor



Puan Nur Afizah Binti Ahmad Ketua
Penolong Pegawai Daerah (Tanah)
Pejabat Daerah/Tanah
Kuala Langat

SESI SERAH SURAT PENEMPATAN PEGAWAI KANAN KERAJAAN

Majlis Penyampaian Amanat dan Penyerahan Surat Pelantikan kepada pegawai-pegawai kanan di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Tarikh : 14 Ogos dan 13 September 2019 | Tempat : Bilik YB SUK, Pejabat SUK Selangor



Puan Mas Sakdah Binti
Kamaruzzaman
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Negeri Selangor



Tuan Mohd Norshanaz Bin Md Zahir
Ketua Penolong Pengarah
Pejabat Tanah dan Galian
Negeri Selangor



Tuan Zulkifli Bin Osman
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Selangor



Puan Nor Azurah Binti Nasir
Setiausaha Bahagian
Bahagian Korporat, Pejabat
Setiausaha Kerajaan
Negeri Selangor



Tuan Muhammad Farhan Bin Ibrahim
Ketua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah
Hulu Langat



Tuan Hazlim Bin Hapaz
Ketua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah
Sepang



Puan Aslynda Binti Mohd Dahlan
Ketua Penolong Pengarah
Seksyen Sektor, Unit Perancang
Ekonomi Negeri (UPEN)



Puan Nazian Hanim Binti Rahim
Ketua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah
Gombak



Puan Vinnila Arumugam
Ketua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah
Klang

PROGRAM PEMERKASAAN AHLI MAJLIS PBT SELANGOR

Tarikh : 9 Ogos 2019 | Tempat : Hotel Concorde Shah Alam

Program Pemerkasaan Ahli Majlis PBT Selangor telah diadakan di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) pada 19 Ogos 2019. Program tersebut telah disempurnakan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Amirudin bin Shari.

Turut hadir bagi mengiringi YAB Dato' Menteri Besar Selangor adalah EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, YB Tuan Ng Sze Han, EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, YB Tuan Ir. Izham Hashim, EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna, YB Tuan Hee Loy Sian serta EXCO Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan, YB Datuk Abdul Rashid bin Asari.

Dalam majlis ini turut diadakan Sesi Town Hall bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Amirudin bin Shari berkaitan isu penjajaran Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang kini giat dilaksanakan. Penjajaran ini dilakukan bagi memfokuskan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor kepada aktiviti pembangunan serta perancangan ekonomi dalam negeri.





MAJLIS PELEPASAN KONVOI KEMBARA MERDEKA JALUR GEMILANG

Tarikh : 23 Ogos 2019 | Tempat : Dataran Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Sambutan Hari Kebangsaan 2019 Negeri Selangor yang bertemakan 'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih' berlangsung dengan penuh kemeriahan disertai 10,000 pengunjung yang membanjiri Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

Sambutan itu dihadiri oleh YAB Dato' Menteri Besar, Tuan Amirudin Shari yang diiringi isterinya Puan Masdiana binti Muhamad, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya dan barisan kepimpinan EXCO Kerajaan Negeri Selangor yang lain.

Acara dimulakan dengan pembukaan persembahan nyanyian Lagu-Lagu Patriotik daripada Kumpulan Koir UITM. Sebanyak 62 kontinjen daripada pelbagai jabatan dan agensi telah menyertai acara perarakan yang sungguh menarik dan berwarna-warni.

Jabatan dan agensi yang terlibat bagi menjayakan sambutan pada kali ini adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Perbadanan Adat dan Warisan Negeri Selangor, Majlis Bandaraya Shah Alam, Tourism Selangor,

Jabatan Penerangan Negeri Selangor dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

Sambutan turut diserikan dengan pelbagai persembahan tarian yang menggabungkan tarian tradisional dari tiga kaum majoriti di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India serta turut dihiburkan dengan persembahan artis terkenal tanah air iaitu Syamel dan Ara Johari.



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2019 SELANGOR

BERTEMAKAN 'SAYANGI MALAYSIAKU: MALAYSIA BERSIH'





Sambutan Hari Kebangsaan 2019 Negeri Selangor yang bertemakan 'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih' berlangsung dengan penuh kemeriahan disertai 10,000 pengunjung yang membanjiri Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

Sambutan itu dihadiri oleh YAB Dato' Menteri Besar, Tuan Amirudin Shari yang diiringi isterinya, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya dan barisan kepimpinan EXCO Kerajaan Negeri Selangor yang lain.

Acara dimulakan dengan pembukaan persembahan nyanyian Lagu Patriotik. Sebanyak 62 kontinjen daripada pelbagai jabatan dan

agensi telah menyertai acara perarakan.

Jabatan dan agensi yang terlibat bagi menjayakan sambutan pada kali ini adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Perbadanan Adat dan Warisan Negeri Selangor, Tourism Selangor, Jabatan Penerangan Negeri Selangor dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

Sambutan turut diserikan dengan pelbagai persembahan tarian yang menggabungkan tarian tradisional dari tiga kaum majoriti di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India serta turut dihiburkan dengan persembahan artis Syamel dan Ara Johari.

PROGRAM 'BREATHE NEW LIFE'

Tarikh : 24 Ogos 2019 | Tempat : Bagan Hailam, Pelabuhan Klang

DI BAGAN HAILAM



Program 'Breathe New Life' di Bagan Hailam telah dirasmikan oleh YB EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, YB Tuan Ng Sze Han. Bagan Hailam telah dijadikan projek perintis kampung atas air yang akan diberikan nafas baru menerusi program 'Breathe New Life' di 10 buah kampung bagan seluruh Negeri Selangor.

Program ini diadakan bagi memberi pendidikan dan memupuk kesedaran kepada penduduk supaya tidak membuang sampah ke dalam laut. Dalam program tersebut, seramai lebih 100 orang penduduk bersama kakitangan KDEB Waste



Management (KDEBWM), Majlis Perbandaran Klang dan agensi kerajaan telah bersama-sama bergotong-royong membersihkan penempatan kampung atas air di Kampung Bagan Hailam.





Tarikh : 17 hingga 19 September 2019 | Tempat : MTES, Pejabat SUK Selangor

AUDIT MS ISO 2019



Pejabat Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan pembukaan sesi audit MS ISO 9001-2015 pada 17 September 2019 dan penutup sesi audit pada 19 September 2019 bertempat di MTES, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Sesi pengauditan ini menjadi matlamat serta agenda utama dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dapat memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan disamping cekap, berkesan dan berkualiti.





SELANGOR AGRO FEST 2019

**LANCAR
PROGRAM
AGRO SEKOLAH**

Tarikh : 7 September 2019 | Tempat : Bulatan Bazarena Stadium Shah Alam

Program Perasmian Selangor Agro Fest telah diadakan di Bulatan Bazarena Stadium Shah Alam pada 7 September 2019. Program kali ini bertemakan Pemodenan Pertanian Ke Arah Kehidupan Lestari. Program tersebut telah dirasmikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Amirudin bin Shari.

Selangor Agro Fest ini dijadikan sebagai salah satu acara tahunan sejak 2012 bertujuan dan membangunkan sektor pertanian dan meningkatkan pendapatan usahawan tani di Selangor.

Turut hadir mengiringi YAB Dato' Menteri Besar Selangor, EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, YB Tuan Ir. Izham Hashim. Pada tahun ini, Program Agro Sekolah juga telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Antara aktiviti menarik yang diadakan adalah pameran penternakan, perikanan, pertanian dan Industri Asas Tani, jualan jimat rakyat, pertandingan masakan juadah kampung, jualan makanan istimewa daerah di Selangor, jualan food truck dan persembahan artis. Lembu Sado juga antara yang menjadi tarikan pada program kali ini.

SELANGOR AGROFEST 2019
"Pemodenan Pertanian Ke Arah Kehidupan Lestari"





Tarikh : 24 September 2019 | Tempat : Dewan Hamzah MPK



YB Ng Sze Han, EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru telah merasmikan Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran di Selangor di Dewan Hamzah Majlis Perbandaran Klang pada 24 September yang lalu.

Sehingga November 2018, Pejabat Tanah Galian Selangor telah berjaya mengesan 2,885 kilang dibina tanpa kebenaran di atas 2,638 lot tanah pertanian dan 630 kilang berjaya diputihkan dan telah mempunyai kelulusan tukar syarat, pelan kebenaran merancang dan pelan bangunan.

PROGRAM

PEMATUHAN SYARAT DAN PENGUATKUASAAN KILANG TANPA KEBENARAN



“**KEMPEN MELETAKKAN KENDERAAN
SECARA MENGUNDUR DI SEMUA
KAWASAN TEMPAT MELETAK
KENDERAAN DI BANGUNAN SSAAS**”



KERJASAMA DAN SOKONGAN AMAT DIHARGAI



INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR) SKIM AIR DARUL EHSAN

Daftar 30 Sept 2019 - 31 Dis 2019



Air Selangor



Air Selangor app
@ App Store/Google Play



e-Psy Selangor™



Sistem Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

LAMAN WEB BARU INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR)



SSIPR

SISTEM SMART INISIATIF PEDULI RAKYAT

SSIPR.selangor.gov.my

